

**BAB V**

**IJTIHAD POLITIK BERKAITAN SYARAT**

**KESIHATAN FIZIKAL BAGI KETUA NEGARA MENURUT ISLAM**

**5.1. Pengenalan**

Pada 5hb Julai 2004, Negara Republik Indonesia telah melaksanakan Pemilihan Umum (PEMILU) atau Pilihan Raya Umum (PRU) yang paling demokrasi sepanjang sejarah politik Indonesia. PEMILU tersebut merupakan kali pertama seumpamanya diadakan untuk memilih Presiden dan Wakil Presiden menggunakan sistem hak pilih secara langsung oleh rakyat untuk memilih ketua negara. Dalam PEMILU tersebut, terdapat enam gandingan calon yang telah diajukan oleh parti mereka masing-masing, dari enam gandingan tersebut terdapat salah seorang calon yang terkeluar daripada senarai pencalonan iaitu Abdurrahman Wahid atau Gus Dur, calon daripada Parti Kebangkitan Bangsa (PKB). Punca kegagalan beliau dipercayai kerana tidak dapat memenuhi salah satu senarai syarat calon presiden yang berhubungkait dengan syarat kesihatan fizikal.

Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) adalah sebuah parti politik yang berideologi konservatisme<sup>1</sup> di Indonesia. Parti ini ditubuhkan di Jakarta pada 23hb Julai 1998 atau 29hb Rabi'ul Awal 1419H, parti tersebut dideklarasikan oleh sekumpulan para kiai atau Tok Guru dari kalangan Nahdhatul Ulama, seperti Munasir Ali, Ilyas Ruchiyat, Abdurrahman Wahid, Ahmad Mustofa Bisri, dan Abdul Muhith Muzadi. Nahdhatul

---

<sup>1</sup> Konservatisme adalah sebuah filsafat politik yang mendokong nilai-nilai tradisional. Istilah ini berasal dari bahasa latin, *conservare* bermaksud melestarikan; menjaga; memelihara dan mengamalkan. Menurut Kamus Bahasa Melayu DBP, maksud konservatisme ialah sesuatu yang cenderung mengamalkan kebiasaan (yang menjadi tradisi). Lihat Carian PRPM @DBP Malaysia: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=konservatif>, 12 Januari 2014

Ulama atau lebih dikenali dengan singkatan NU, adalah merupakan pertubuhan Islam terbesar di Indonesia, sebuah pertubuhan yang bercirikan tradisi khas, sehingga sering dikaitkan sebagai pertubuhan yang tidak pernah berubah dan bersifat konservatif dalam pemikiran, namun dalam beberapa dekad kebelakangan ini, NU terlihat lebih terserlah mewarnai kancah pembaruan pemikiran Islam berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan lainnya. Antara pemikiran pembaharuan NU ialah perlawanan mereka terhadap kesesuaian aplikasi dan keperluan syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara di Indonesia, seterusnya pemikiran tersebut dideklarasikan sebagai bahagian daripada ijtihad politik mereka<sup>2</sup>.

Perkataan “Ijtihad” adalah istilah yang berasal daripada bahasa arab, dan ianya merupakan pecahan dari asal kata “*Juhd*” atau “*jahd*” yang bererti kemampuan, kesungguhan dan kesukaran. Dalam kamus *Lisan al-‘Arab* makna *al-Ijtihad wa al-Tajahud* ialah mengerahkan segenap kemampuan dan kesungguhan “*badhlu al-was‘i wa al-majhud*”<sup>3</sup>. Ijtihad menurut ilmunan hukum Islam bererti mencurahkan segala kemampuan untuk mendapatkan penjelasan hukum bagi permasalahan tertentu. Seperti takrif yang dikemukakan oleh Imam al-Shawkani<sup>4</sup> iaitu:

بَدْلُ الْوَسْعِ فِي تَيْلِ حُكْمٍ شَرْعِيٍّ عَمَلِيٍّ بِطَرِيقِ الْاِسْتِنْبَاطِ

“Mengerahkan segala kemampuan dalam memperolehi hukum syara’ yang bersifat amali melalui cara istinbat”.

Menurut Yusuf al-Qaradawi takrif tersebut merupakan takrif yang paling mendekati dengan makna ijtihad yang dimaksud dalam ilmu *Usul al-Fiqh* yang

---

<sup>2</sup> M. Nur Hasan (2010), *Ijtihad Politik NU: Kajian Filosofis Visi Sosial dan Moral Politik NU dalam Upaya Pemberdayaan Civil Society*., Yogyakarta: Manhaj, h. 45

<sup>3</sup> Ibnu Mandur (t.t.), *Lisan al-Arab*, Bab al-Jim, j. 6, Kaherah: Dar al-Ma’arif, h. 709

<sup>4</sup> Muhammad bin ‘Ali al-Shawkani (2000) *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min ‘Ilmi al-Usul*, (Tahqiq: Abi Hafs Sami bin al-‘Arabiy al-Ashari) j. 2., Riyad: Dar al-Fadilah, h. 1025

digunakan oleh kebanyakan fuqaha<sup>5</sup>. Sementara Imam al-Shatibi telah membahagikan ijtihad kepada dua bahagian: Pertama, ijtihad yang perlaksanaannya tidak pernah terhenti sehingga hari kiamat; dan Kedua, ijtihad yang boleh jadi ia sudah terhenti sebelum berlakunya hari kiamat. Jenis ijtihad yang pertama kedudukannya tidak dipertikaikan lagi di kalangan umat, dan ianya banyak digunakan didalam kajian metodologi hukum Islam yang dikenali dengan istilah “*al-Ijtihad al-Mut’alliq bi Tahqiq al-Manat*”, beliau mendefinisikan *Tahqiq al-Manat* seperti berikut:

أَنَّ يَثْبُتَ الْحُكْمُ بِمُذْرِكِهِ الشَّرْعِيِّ لَكِنْ يَبْقَى النَّظَرُ فِي تَعْيِينِ مَحَلِّهِ<sup>6</sup>.

Idea abstrak yang telah diperolehi oleh seorang mujtahid dari kandungan nas, kemudian bagaimana menerapkan (*al-tatbiq*) terhadap masalah yang dihadapi sehingga maksud syariat dapat tercapai.

Berdasarkan takrif tersebut di atas, mengisyaratkan bahawa *Tahqiq al-Manat* ialah sesuatu hukum yang telah ditetapkan berdasarkan nas syar’i, untuk seterusnya bagaimana hukum tersebut diaplikasikan terhadap objek tertentu. Contoh sepertimana yang dikemukakan oleh Imam al-Shatibi daripada Firman Allah (s.w.t.) Surah al-Talaq Ayat 2 yang bermaksud: “Dan persaksikanlah kepada dua orang adil di antara kalian”. Adil secara syar’i telah jelas dan telah kita fahami maksudnya, tetapi ia perlu kepada penjelasan siapakah yang termasuk dalam kategori Ayat tersebut, kerana sifat adil pada umat manusia tahapannya berbeza-beza dan tidak akan sama, sehingga Imam al-Shatibi mengkategorikannya kepada tiga jenis tahapan iaitu tahapan yang tertinggi, terendah dan sederhana (*wasitah*)<sup>7</sup>.

---

<sup>5</sup> Yusuf al-Qardawi (2000), *al-Ijtihad fi al-Shari’ah al-Islamiyyah*, Dar al-Tawzi’ wa al-Nashr al-Islamiyya

<sup>6</sup> Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Shatibi al-Gharnati (1997), *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari’ah*, c. 1, j. 4. Bairut: Dar al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 89-90

<sup>7</sup> *ibid*, h. 90

Berdasarkan pengkelasan tersebut, didapati bahawa Abu Bakr al-Siddiq (r.a.) adalah seorang yang mempunyai sifat adil yang berada pada tahap yang paling tinggi. Sedangkan tahapan yang terendah iaitu sifat yang berada diambang terkeluar daripada kriteria sifat adil, seperti orang yang telah melakukan perbuatan yang melampaui batas, sehingga masuk ketahap kekufuran yang tidak layak lagi disebut sebagai orang yang beragama Islam, apatah lagi perbuatan orang tersebut pernah dikenakan hukuman hadud terhadapnya. Adapun tahapan yang ketiga ialah berada di antara dua tahapan tersebut di atas, iaitu tahapan-tahapan yang tidak terhitung jumlahnya, dan tahapan inilah yang bersifat samar tidak jelas, maka untuk menentukannya seseorang mestilah berusaha melampaui batas kesanggupannya iaitu ijtihad<sup>8</sup>.

Imam al-Shatibi seterusnya menjelaskan perlunya dilakukan ijtihad dalam perkara ini secara terperinci, kerana syariah tidak menetapkan nas dalil tentang perkara hukum terhadap sesuatu kes secara terperinci, tetapi ia didatangkan melalui dalil-dalil secara umum dan dalam bentuk redaksi hukum yang bersifat mutlak di dalam mengakomodasi berbagai kes yang jumlahnya tidak terbatas.<sup>9</sup> Oleh yang demikian, maka beliau seterusnya menegaskan bahawa keterkaitan ijtihad jenis ini dengan realiti semasa lebih banyak berbanding keterkaitannya dengan ilmu syariah. Oleh sebab itu beliau tidak mensyaratkan perlunya pengetahuan tentang tujuan-tujuan syariat, bahasa Arab dan tidak juga mensyaratkan dengan syarat-syarat lain sepertimana syarat lazim yang diperlukan dalam melakukan ijtihad fiqh yang lain, kerana tujuan bentuk ijtihad yang berhubungkait dengan *tahqiq al-manat* ialah untuk mengetahui objek hukum sesuai dengan keadaan yang sebenar dan realiti semasa. Oleh kerana itu, seorang mujtahid mesti mengetahui dan mampu melakukan ijtihad terhadap sesuatu kes yang

---

<sup>8</sup> *ibid*

<sup>9</sup> *ibid*, h. 92

dikaji agar dapat menetapkan hukum yang sesuai dengan realiti semasa untuk mendapat satu penyelesaian hukum demi kemaslahatan umat.<sup>10</sup>

Sheikh Abdullah Darraz ketika mensyarahkan kitab al-Muwafaqat karya Imam al-Shatibi telah memberikan contoh dalam kes ijtiḥad *tahqiq al-manat* untuk memberikan lebih kefahaman seperti berikut:

الحكم الشرعي أن من يعتريه المرض أو يتأخر برؤه بسبب استعمال الماء يرخص له في التيمم، فإذا أردنا معرفة الحكم الشرعي بالنسبة لمريض ليخص له أو لا يخصص، فإننا لا نحتاج إلى اللغة العربية ولا إلى معرفة مقاصد الشرع في باب التيمم فضلا عن سائر الأبواب، إنما يلزم أن نعرف بالطريق الموصل هل يحصل ضرر فيتحقق المناط أم لا فلا يتحقق؟ ولا شأن لهذا بواحد من الأمرين، وإنما يعرف بالتجارب في الشخص نفسه أو في أمثاله أو بتقرير طبيب عارف.

Dalam hukum syarak, seseorang yang sakit terluca disebabkan benda tajam sekiranya terkena air dipercayai lukanya akan menjadi bertambah teruk atau kesembuhannya akan terbantut, maka dalam perkara ini ia mendapatkan *rukhsah* untuk melakukan tayamum. Jika kita ingin mengetahui hukum syariah yang berlaku bagi si pesakit sama ada dia boleh mendapatkan *rukhsah* tersebut atau tidak, maka seseorang mujtahid tidak perlu arif dalam ilmu bahasa Arab, dan juga tidak perlu arif terhadap ilmu *maqasid al-syar'iyah* dalam bab tayamum sepertimana yang dikehendaki dalam syarat-syarat ijtiḥad yang lainnya. Tetapi mujtahid mesti berusaha mengetahui keadaan yang boleh menghantarkan kepada suatu kesimpulan, apakah akan timbul suatu bahaya (*darar*) sehingga hukum dapat diwujudkan, atau tidak akan berlaku *darar* sehingga hukum tidak perlu diaplikasikan. Perkara ini tidak ada kaitannya dengan bahasa Arab atau *maqasid al-syar'iyah*, sebab perkara tersebut boleh diketahui melalui pengalaman pribadi, pengalaman orang-orang lain yang seumpamanya, atau melalui keterangan yang diperolehi daripada doktor pakar yang berpengalaman.<sup>11</sup>

Berdasarkan pengertian dan contoh tersebut di atas, maka kaedah ijtiḥad *Tahqiq al-Manat* adalah merupakan suatu kaedah ijtiḥad sosialisasi dan pembumian idea-idea hukum yang terkandung dalam suatu nas pada dasar kehidupan umat

---

<sup>10</sup> *ibid*, h. 165

<sup>11</sup> *ibid*, h. 165

manusia<sup>12</sup>. Demikian juga dengan definisi yang dikemukakan oleh Imam al-Shatibi tersebut di atas memberikan gambaran bahawa ijtihad yang sangat mustahak ialah jenis ijtihad dinamik, iaitu bentuk ijtihad yang memfokuskan pemerhatiannya kepada manusia, jadi yang akan dijadikan sebagai objek atau sumber hukum adalah realiti kehidupan semasa, maka faktor perubahan dan perkembangan sosial sangat perlu dipertimbangkan bagi menentukan sesuatu hukum yang berkaitan dengan ijtihad *Tahqiq al-Manat*. Oleh yang demikian, dalam konteks ijtihad politik yang berhubungkait dengan kesihatan fizikal bagi ketua negara, penulis akan menggunakan jenis ijtihad *Tahqiq al-Manat*. Kerana jenis ijtihad ini merupakan ijtihad yang mengadaptasikan sesuatu hukum syarak terhadap sesuatu realiti secara amali dengan syarat tidak melanggar atau bertentangan dengan batasan yang telah ditetapkan oleh syarak. Dengan demikian maka penulis sangat bersetuju bahawa ijtihad tidak akan terhenti sehingga akhir zaman, dan hukum syariah akan sentiasa sesuai diaplikasikan sepanjang masa dan di mana sahaja.

## **5.2. Definisi Ijtihad Politik**

Adapun makna istilah ijtihad politik secara *irtikabi* atau secara dua kalimah yang tersusun sukar didapati di dalam kitab-kitab karya ulama *salaf*. Oleh yang demikian penulis hanya mampu mengemukakannya berdasarkan beberapa pandangan ulama *khalaf* sahaja, dan pandangan tersebut antara lain dikemukakan oleh ‘Alau al-Din yang mentakrifkan ijtihad politik dari segi istilah ialah mencurahkan pemikiran dengan penuh kesungguhan untuk menghasilkan sesuatu yang boleh disumbangkan untuk tujuan merealisasikan kemaslahatan orang awam dalam perkara-perkara yang bersifat

---

<sup>12</sup> Mohd Said Ishak (2000), *Umar Ibn al-Khaththab: Pelaksanaan Hukum Islam*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 95

umum<sup>13</sup>. Sedangkan definisi menurut Kamal Habib, ijtihad politik ialah satu ijtihad atau daya usaha yang berasaskan kepada realiti kehidupan semasa (*al-waqi' al-ma'ish*) sebagai sumber utama dan bagi menyelesaikan berbagai permasalahan dan dilema yang dihadapi oleh rakyat dalam sesebuah negara sebagai asas tujuan utama<sup>14</sup>. Adapun definisi menurut Muhammad Shakir al-Sharif ijtihad politik ialah satu ijtihad semasa menghadapi permasalahan-permasalahan dalam siasah syar'iyah bagi mendapatkan sesuatu hukum ijtihad baharu berdasarkan kepada bentuk perubahan zaman bagi menjaga kemaslahatan umat manusia<sup>15</sup>.

Berdasarkan ketiga-tiga definisi tersebut di atas, dapat disimpulkan bahawa ijtihad politik akan sentiasa lahir di kalangan *mujtahid siyasi* pada setiap zaman dan tempat, bergantung kepada keperluan dan kesesuaian di mana ijtihad jenis tersebut diperlukan. Salah satu sebab kepada perlunya ijtihad politik adalah pengaruh persekitaran politik dalam sesebuah negara yang sedang melalui fasa-fasa baru politik yang dicorakkan oleh badan politik dan bukan politik sesuai dengan perkembangan dan realiti semasa. Istilah ijtihad politik bagi sebahagian orang lain mungkin dirasakan seperti istilah baru, meskipun pada hakikatnya ia adalah istilah yang digunakan sejak lebih daripada seribu tahun yang lalu. Sepertimana yang pernah diungkapkan oleh Muaz bin Jabal ketika menjawab soalan daripada Rasulullah (s.a.w.) mengenai kaedah hukum yang akan digunakan ketika berhadapan dengan sesuatu kes yang tidak terdapat di dalam al-Quran mahupun al-Hadith<sup>16</sup>. Contoh yang lainnya seperti kaedah perlantikan Abu Bakr sebagai khalifah selepas kewafatan baginda, tindakan Abu

---

<sup>13</sup> 'Alau al-Din al-Amin al-Zaki (2012), "al-Wasa'il wa al-Zara'i wa Atharuhuma fi al-Ijtihad al-Siasi" *Majallah al-Buhuth al-Fiqhiyyah al-Mu'asarah*, v. 84, h. 279

<sup>14</sup> Dinukil dari penulisan Kamal Habib di al-Sharq, <http://tv/node/66390>, 2 May 2014.

<sup>15</sup> Dinukil dari tulisan Muhammad Syakir al-Sharif di Said al-Fawa'id, <http://www.saaaid.net/Doat/alsharef/6.htm>, 19 April 2014

<sup>16</sup> Rujuk Sunan Ibn Daud hadith no. 3119

Bakar memerangi golongan orang yang ingkar membayar zakat, cadangan Umar bin al-Khattab kepada Abu Bakr supaya mengumpulkan al-Quran dalam satu mashaf pada era Abu Bakar dan penulisan semula al-Quran pada era Uthman<sup>17</sup>.

Adapun beberapa contoh ungkapan istilah ijtihad politik dalam konteks politik Indonesia ialah seperti amalan demokrasi yang dilakukan oleh pertubuhan Nahdah al-Ulama (NU) ketika menerima Pancasila<sup>18</sup> sebagai asas tunggal kepada negara pada muktamar NU di Pesantren Salafiyah al-Syafi'iyah Situbondo tahun 1984. Peristiwa tersebut merupakan salah satu bentuk ijtihad politik NU yang selama ini dikenali sebagai pertubuhan Islam yang fanatik yang tidak mudah menerima sesuatu perkara baharu. Berita tentang perkara tersebut telah mendominasi wacana politik dan membentuk sejarah baru dalam sistem percaturan politik kebangsaan di Indonesia pada era 80-an sehingga 90-an<sup>19</sup>. Penerimaan NU terhadap Pancasila bukan perkara yang sederhana dan mudah, kerana konsep tersebut telah diproses melalui pemikiran yang dalam dan perdebatan yang panjang di kalangan warga anggota NU.

Setelah melalui pelbagai pertimbangan penting dengan melihat kepada *masalahat* dan *mafsadat*, akhirnya Nahdhatul Ulama (NU) sebulat suara menerima Pancasila sebagai rukun negara. Pertimbangan tersebut adalah ijtihad politik NU dengan beberapa pertimbangan seperti berikut: Pertama, konsep fitrah, kerana fitrah adalah merupakan dorongan yang sudah tertanam di dalam diri manusia untuk

---

<sup>17</sup> A. Mufti Khazin (2013), "Ijtihad Periode Abu Bakr: Sebuah Tinjauan Sosio-Historis", *Jurnal Hukum dan Perundangan Islam* (Fakultas Syariah dan Hukum, IAIN Sunan Ampel Surabaya), vol. 3, no. 1, April 2013, h. 6-7

<sup>18</sup> Pancasila adalah ideologi dasar bagi negara Republik Indonesia, dan ianya merupakan rumusan dan pedoman kehidupan berbangsa dan bernegara bagi seluruh rakyat Indonesia, terdiri daripada dua perkataan yang berasal dari bahasa sanskrit iaitu Panca bermaksud lima dan Sila bermaksud prinsip atau asas.

<sup>19</sup> Zuhairi Misrawi (2010), *Hadratussyaiikh Hasyim As'ari: Moderasi, Keutamaan dan Kebangsaan*. Jakarta: PT. Kompas Media Nusantara, h. 22-23



menemukan tuhan yang sememangnya mempunyai sifat penyerahan diri kepada Allah (s.w.t.) secara semula jadi. Kedua, konsep ketuhanan, melalui penilaian rumusan klausa “Yang Maha Esa” adalah merupakan bentuk penjiwaan terhadap tauhid menurut pengertian keimanan Islam. Ketiga, pemahaman terhadap sejarah, maksudnya penerimaan NU terhadap Pancasila dilatarbelakangi oleh peranan umat Islam di dalam merumuskan konsep Pancasila, dan peranan umat Islam ketika menentang penjajahan dan mempertahankan kemerdekaan bangsa.<sup>20</sup>

Contoh bentuk ijtihad politik yang lain di Indonesia seperti pandangan NU<sup>21</sup> tentang hukum tuntutan terhadap pembubaran parti Golongan Karya (Golkar) dan Parti Komunis Indonesia (PKI), hukum keduanya adalah wajib secara *istithna'i* (pengecualian) dan wajib secara mutlaq. Wajib secara *istithna'i* jika diyakini Golkar adalah sebagai wasilah satu-satunya cara untuk menghilangkan kemungkaran yang berlaku ditubuh pemerintahan Indonesia, sehingga jika perkara tersebut dibiarkan berlaku akan memberikan kesan negatif secara keseluruhan (*mafsadat 'amah*). Sedangkan untuk pembubaran PKI hukumnya wajib secara mutlaq kerana tiada keraguan lagi bahawa parti tersebut menganut fahaman komunis anti Tuhan yang sangat bertentangan dengan al-Qur'an dan juga bertentangan dengan Pancasila sebagai dasar negara Republik Indonesia<sup>22</sup>.

---

<sup>20</sup> Grigis Tinular Harso (2013), “Penerimaan Asas Tunggal Pancasila Oleh Nahdlatul Ulama: Latar Belakang dan Proses 1983-1985” (Thesis PhD, Universitas Pendidikan Indonesia), h. 123; Einar M. Sitompul (1989), *Nahdlatul Ulama dan Pancasila: Sejarah dan Peranan NU Dalam Perjuangan Umat Islam di Indonesia Dalam Rangka Penerimaan Pancasila Sebagai Satu-Satunya Asas*, Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, h. 145

<sup>21</sup> Lihat, Himpunan Hasil Keputusan Bahthu al-Masa'il al-Wusta Ke-21 di Pondok Pesantren Sidogiri, Pasuruan Jawa Timur, Tanggal 23 Muharam 1422 H./17 April 2001 M.

<sup>22</sup> Pengharaman PKI sesungguhnya bukan kerana ia berfahaman komunis semata-mata, tetapi kerana ia telah melakukan pemberontakan terhadap negara dan pemerintahan yang sah pada 30 Sep 1965.

Pada 26 Januari 2009 Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah mengeluarkan ijtihad politik di Padang Panjang Sumatera Barat tentang hukum membuang undi pada pilihan raya umum (PRU) bagi umat Islam hukumnya adalah wajib *'aini* berdasarkan hujah berikut: Pertama, PRU dalam pandangan Islam adalah satu *wasilah* (cara) untuk memilih pemimpin atau wakil rakyat yang menepati syarat-syarat ideal bagi terwujudnya cita-cita bersama sesuai dengan aspirasi umat dan kepentingan bangsa. Kedua, Memilih pemimpin dalam Islam adalah kewajiban untuk menegakkan *imamah* dan *imarah* dalam kehidupan bersama. Ketiga, *imamah* dan *imarah* dalam Islam memerlukan syarat-syarat yang bersesuaian dengan ketentuan yang sedia ada, agar terwujud kemaslahatan dalam masyarakat. Keempat, memilih pemimpin yang beriman dan bertaqwa, jujur (*siddiq*), terpercaya (*amanah*), aktif dan aspiratif (*tabligh*), mempunyai kemampuan (*fatamah*), dan pemimpin yang memperjuangkan kepentingan umat Islam hukumnya adalah wajib. Kelima, membuang undi untuk memilih pemimpin yang tidak memenuhi syarat-syarat sepertimana yang disebutkan dalam hujah yang keempat, atau sama sekali tidak membuat pilihan padahal terdapat calon yang memenuhi syarat, maka hukumnya adalah haram.

Oleh yang demikian sebagai resolusi atau *istimbat*, pertama, umat Islam diwajibkan untuk memilih pemimpin dan wakil rakyat yang diyakini boleh memikul tanggungjawab melakukan tugas *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*. Kedua, bagi pihak pemerintah dan penyelenggara PEMILU atau PRU, wajib meningkatkan lagi peranannya dalam memberikan kefahaman dan kesedaran terhadap masyarakat awam, tentang pentingnya menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara untuk menentukan dan mencorakkan masa depan bangsa dan negara, dengan demikian

diharapkan agar kesadaran masyarakat dapat meningkat dan hak masyarakat dapat tercapai<sup>23</sup>.

Contoh ijtihad politik pertubuhan Islam Muhammadiyah<sup>24</sup> antaranya ialah ijtihad hukum tentang diperbolehkannya umat Islam memilih parti sekuler<sup>25</sup> dengan hujah seperti berikut:

1. Parti politik adalah bahagian daripada perkara muamalah duniawiyah, dan sepanjang pengetahuan kami perkara tersebut belum pernah berlaku pada zaman Rasulullah Muhammad (s.a.w.). Oleh kerana itu, parti politik merupakan perkara ijtihadiyah. Dalam perkara muamalah atau ijtihadiyah, selama ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip ajaran Islam seperti tauhid, keadilan, dan sebagainya, maka perkara tersebut tidak dilarang. Sepertimana Kaidah fiqh menyatakan:

الأَصْلُ فِي الْمَعَامَلَةِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ

“Hukum asal muamalah adalah boleh, sehingga ditemukan dalil yang menunjukkan atas keharamannya.”

Kaidah tersebut selari dengan sabda baginda Nabi Muhammad (s.a.w.) berbunyi seperti berikut:

..... أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ. (رواه مسلم عن أنس)

“Kamu semua lebih tahu tentang urusan duniamu”

---

<sup>23</sup> Majelis Ulama Indonesia (2011), *Himpunan Fatwa MUI Sejak 1975*, Bahagian Masalah Sosial Budaya, Jakarta: Penerbit Erlangga, h. 273

<sup>24</sup> Keputusan Hasil Musyawarah Nasional Tarjih Muhammadiyah ke-xxvi, tentang Etika Politik yang berlangsung pada tanggal 1-5 Oktober 2003 M bersamaan dengan tanggal 5–9 Sya’ban 1424 H di Hotel Bumi Minang Padang Sumatera Barat yang dihadiri oleh anggota Tarjih Pusat

<sup>25</sup> Maksud parti sekuler dalam resolusi tersebut ialah parti nasionlis yang tidak berasaskan Islam yang cenderung mendokong aktiviti-aktiviti yang mengandungi perkara-perkara kemaksiatan dan menolak pendidikan agama yang dijadikan sebagai sukatan pendidikan di sekolah-sekolah kebangsaan.

Oleh yang demikian maka memilih parti politik sekular boleh sahaja dipilih oleh orang Islam selagi ia masih sejalan dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Sebab parti yang berasaskan Islam belum tentu mereka menjalankan kaedah berpolitik dan program-programnya selari dengan tuntutan ajaran Islam. Demikian juga sebaliknya, parti-parti yang tidak berasas Islam, belum tentu cara dan kaedah berpolitik dan program-program mereka tidak Islamik. Oleh kerana itu, disarankan kepada para pengundi untuk terlebih dahulu mempelajari dengan cermat dan menteliti platform atau anggaran dasar parti-parti yang hendak diundi, termasuk *track record* perjuangannya selama ini.

2. Dalam sebuah negara demokrasi seperti di Indonesia yang sangat majemuk, parti politik menjadi perlambangan dari pelbagai golongan dan agama. Oleh kerana itu, tidak dapat dielakkan lagi bahawa perkara tersebut akan muncul perbezaan pendapat dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan di Dewan Rakyat, kerana anggota dewan terdiri daripada orang-orang yang telah dipilih dari kalangan parti politik yang berbeza.

Oleh kerana itu, umat Islam diharapkan dapat memahami dan mengenali dengan bijak parti-parti yang akan dipilih, apakah pilihan jatuh kepada parti yang berasaskan Islam atau sebaliknya, tetapi pastikan adakah parti tersebut mempunyai platform yang baik, dan juga mempunyai *track record* perjuangan yang sentiasa berpihak dan mendokong sepenuhnya aspirasi umat Islam?.

3. Perkembangan politik di Indonesia berjalan sangat dinamis, kerana sistem politik hari ini berbeza dengan sistem di era orde baru. Rakyat tidak lagi memilih wakil rakyat dengan memilih partainya, tetapi langsung memilih orang yang mencalonkan diri atau dicalonkan oleh parti untuk menjadi calon wakil rakyat. Calon legislatif atau calon wakil rakyat ialah salah satu bahagian

dari kepemimpinan. Oleh kerana itu, di dalam memilih calon pemimpin, umat Islam wajib berhati-hati dan wajib membuat pertimbangan secara matang dan betul, tidak boleh semberono. Tidak boleh menilai seseorang calon dari aspek kedudukan sosial, pekerjaan dan aktiviti semata-mata, tetapi syarat utama yang mesti diutamakan bagi calon pemimpin yang akan dipilih mestilah dia seorang Muslim. Allah (s.w.t.) berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصْرَىٰ أَوْلِيَاءَ بَعْضُهُمْ  
أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنكُمْ فَإِنَّهُ مِنَّهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ  
الظَّالِمِينَ

Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang Yahudi dan Nasrani sebagai teman, kerana setengah mereka menjadi teman kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka temannya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kamu yang berlaku zalim.

Surah al-Maidah (5): 51

Adapun persyaratan yang lainnya ialah pilih calon pemimpin yang amanah, mempunyai *capability* dan *competence* memahami dan membela aspirasi umat Islam, serta mempunyai jiwa *amar makruf nahi munkar* dan mempunyai *tajdid al-fikr*.

### 5.3. Argumentasi Perlunya Ijtihad Politik Tentang Syarat Kesehatan Fizikal

Terdapat banyak hujah ataupun argumentasi yang mengarah kepada perlunya ijtihad politik terhadap syarat kesihatan bagi calon ketua negara di Indonesia. Pandangan terhadap keperluan tersebut lebih mengarah kepada jaminan hak-hak asasi manusia yang terdapat dalam konsep Islam mahupun konsep yang telah diwartakan dalam deklarasi atau yang telah ditetapkan dalam Akta dan Perlembagaan sesebuah negara. Contoh dalam konteks Perlembagaan Republik Indonesia Tentang Hak Asasi Manusia

seperti Undang-Undang Nombor 39 Tahun 1999 Bahagian Kelapan tentang Hak Turut

Serta dalam Pemerintahan Perkara 43 (1), (2) dan (3) berbunyi seperti berikut:

(1). Setiap warga negara berhak untuk dipilih dan memilih dalam pemilihan umum berdasarkan persamaan hak melalui pemungutan suara yang langsung, umum, bebas, rahasia, jujur, dan adil sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan. (2). Setiap warga negara berhak turut serta dalam pemerintahan dengan langsung atau dengan perantaraan wakil yang dipilihnya dengan bebas, menurut cara yang ditentukan dalam peraturan perundang-undangan. (3). Setiap warga negara dapat diangkat dalam setiap jabatan pemerintahan.

Adapun alasan-alasan atau argumentasi tentang munculnya polemik persyaratan kesihatan fizikal bagi ketua negara atau presiden dalam konteks politik Indonesia, telah dimonopoli oleh kelompok yang pro terhadap Parti Kebangkitan Bangsa (PKB) yang pernah dipengerusikan oleh al-Marhum Bapa K.H. Abdurrahman Wahid atau lebih popular dengan sebutan Gus Dur<sup>26</sup>. Sepertimana umum mengetahui bahawa beliau merupakan seorang yang mempunyai kecacatan mata (*eye defects*). Walau demikian nama beliau tetap terpahat dalam sejarah Indonesia, kerana dengan keadaan fizikal yang tidak sihat beliau pernah menjadi seorang tokoh nombor satu di Indonesia. Walaupun beliau tidak dapat menghabiskan masa jawatannya sehingga tempoh yang telah ditentukan dalam perlembagaan Indonesia iaitu 20hb Oktober 1999 sehingga Tahun 2004, tetapi kerana beliau didakwa terlibat dalam kes Buloggate dan Bruneigate<sup>27</sup>, maka jawatan tersebut berakhir lebih awal iaitu pada 23hb Julai 2001.

---

<sup>26</sup> Ign Ismanto *et.al* (2004), *Pemilihan presiden secara langsung 2004: dokumentasi, analisis, dan kritik*. Jakarta: Galang Press, Kementerian Ristek, dan CSIS, h. 191

<sup>27</sup> Buloggate dan Bruneigate adalah dua istilah yang digunakan untuk menggambarkan serial skandal politik yang pernah berlaku di Amerika Serikat yang dikenali dengan istilah *Watergate* yang membawa kepada peristiwa pengunduran diri Presiden Richard M. Nixon pada tahun 1974. Skandal Buloggate dan Bruneigate keduanya berlaku pada Tahun 2000 di bawah kepimpinan Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur. Skandal Buloggate merupakan satu skandal yang berlaku disebuah institusi pemerintahan yang dikenali sebagai Badan Urusan Logistik (BULOG), pada Mei 2000. Adapun *Bruneigate* ialah satu kes tuduhan penyalahgunaan agihan dana bantuan pribadi daripada Sultan Brunei Darussalam sebesar 2 juta dolar US atau 16 milyar rupiah Indonesia sebagai modal untuk membangunkan infrastruktur negeri Aceh serta menyelesaikan masalah dalaman. Lihat: M. Hamid (2010), *Gus Gerr: Bapak Pluralisme dan Guru Bangsa*, Yogyakarta: Pustaka Marwa. h. 62-63; Muhammad Fauzan (2011), "Kewenangan Mahkamah Konstitusi

Walaupun pada akhirnya beliau disahkan dan dinyatakan tidak bersalah oleh Bachtiar Fachry Nasution iaitu Jaksa Agung Muda Bidang Tindak Pidana Khusus atau disingkat dengan istilah JAMPIDSUS<sup>28</sup>.

Perkara ini dibentangkan dalam bab ini bertujuan untuk memberikan gambaran bahawa syarat kesihatan fizikal bagi ketua negara sebelum era reformasi dan sebelum Gus Dur dicalonkan untuk bertanding sebagai calon Presiden Republik Indonesia bagi kali kedua tidak pernah ada seorangpun yang mempermasalahkannya. Isu syarat kesihatan bagi calon presiden (capres) muncul menjadi polemik ketika jauh-jauh hari nama Gus Dur akan kembali dicalonkan untuk pemilihan Presiden pada PEMILU tahun 2004. Kes ini seakan-akan membuktikan bahawa syarat kesihatan fizikal sengaja dimunculkan semata-mata kerana ada agenda khusus untuk menghalangi Gus Dur bagi disenaraikan daripada calon Presiden Republik Indonesia bagi penggal 2004-2009.

Perkara tersebut terlepas dari kedudukan sistem politik Indonesia semasa kepimpinan Gus Dur yang tidak sama dengan kedudukan sistem politik sekarang. Kerana Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR) semasa kepimpinan Gus Dur masih berfungsi sebagai lembaga (institusi) tertinggi negara, iaitu satu badan yang mempunyai kewenangan mutlak untuk mengangkat dan memberhentikan Presiden sebagai Ketua Negara. Perkara tersebut termaktub sepertimana yang disebutkan di dalam bab 3 perkara 6 (2) perlembagaan negara Republik Indonesia tahun 1945 atau

---

Dalam Proses Impeachment Presiden Menurut Sistem Ketatanegaraan Republik Indonesia”, *Jurnal Dinamika Hukum*, Universitas Jendral Soedirman (UNSOED), Jil. 11 Bil.1, Januari 2011, h. 77-78

<sup>28</sup> L. Misbah Hidayat (2007), *Reformasi Administrasi: Kajian Komparatif Pemerintahan Tiga Presiden BJ. Habibie, Abdurrahman Wahid dan Megawati*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, h. 111; TEMPOinteraktif Nasional, <http://www.tempointeraktif.com/hg/nasional/2001/05/29/brk.20010529-10.id.html>, 14 Mac 2011

UUD 45 yang berbunyi seperti berikut: “Presiden dan Wakil Presiden dipilih oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) dengan suara yang terbanyak”.

Klausula ayat tersebut sekarang telah mengalami perubahan semenjak berlakunya pindaan (*amendment*) perlembagaan negara untuk kali ketiga dan keempat yang berkuatkuasa pada 9 November 2001. Kedudukan terkini MPR tidak lagi sebagai badan institusi istimewa yang mempunyai kekuasaan tertinggi, tetapi sekarang ia hanya sebagai badan institusi tinggi yang setaraf dengan institusi-institusi lainnya di Indonesia. Walau demikian ia masih tetap mempunyai autoriti dan kewenangan khas yang tidak dimiliki oleh badan institusi lainnya, seperti melantik Presiden dan Wakil Presiden hasil pemilihan umum (Pemilu) dalam sidang paripurna MPR, dan masih mempunyai kekuasaan untuk memberhentikan Presiden dan/atau Wakil Presiden pada tempoh masa jawatannya menurut Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945, tetapi tindakannya tersebut mestilah berdasarkan usulan atau cadangan yang dikemukakan oleh anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR)<sup>29</sup>.

Salah satu contoh kewenangan MPR ialah memilih dan melantik Abdurrahman Wahid atau Gus Dur untuk menjawat sebagai Presiden, pemilihan tersebut dilakukan hasil daripada gabungan beberapa parti yang membentuk istilah poros tengah iaitu sekumpulan parti-parti yang tidak berpihak kepada parti yang memenangi pilihan raya dan ia bersifat netral. Poros tengah tersebut diketuai oleh Amin Rais sebagai ketua Speaker Dewan. Namun begitu nasib perjalanan kerjaya Gus Dur juga akhirnya ditentukan oleh MPR yang ketika itu juga masih diketuai oleh Amin Rais sebagai ketua Speaker Dewan atas sebab-sebab tertentu. Pada Pemilu tahun 2004 beliau telah

---

<sup>29</sup> Andi Mappetahang Fatwa (2009), *Potret Konstitusi Pasca Amandemen UUD 1945*, Jakarta: Penerbit Buku KOMPAS, h. 225



dicalonkan kembali oleh PKB sebagai calon Presiden untuk tempoh masa jawatan 2004 – 2009, tetapi pada 31 Julai 2003, MPR telah mengesahkan penguatkuasaan UU RI No. 23 Tahun 2003 tentang Pemilu Presiden dan Wakil Presiden. Isi kandungan di dalam undang-undang tersebut terdapat 20 persyaratan yang mesti dipenuhi oleh calon presiden dan calon wakil presiden, dan di antara 20 senarai persyaratan tersebut ialah: “Mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden”<sup>30</sup>

Berdasarkan peruntukan artikel dalam undang-undang tersebut, maka pencalonan Gus Dur dengan calon wakilnya automatik akan terhalang, dan beliau terpaksa menerima kegagalan tersebut. Antara usaha-usaha yang beliau lakukan untuk mempertahankan kelayakannya sebagai calon presiden ialah mengajukan fatwa ke Mahkamah Agung (*high court*) dan semakan perundangan (*judicial review*) ke Mahkamah Konstitusi, dan seterusnya beliau juga meminta penyemakan semula untuk menguji klausa ayat ke Pengadilan Tata Usaha Negara (PTUN). Tetapi semua institusi tersebut telah menolak permohonan Gus Dur dengan alasan antara lain sepertimana yang dibacakan oleh ketua hakim iaitu Is Sudaryono dan hakim anggota Bambang Hariyanto dan Yodi Martono Wahyunadi seperti berikut:

Majelis hakim melihat bahwa keputusan Komisi Pemilihan Umum (KPU) merupakan keputusan yang sangat mendesak dan bersifat final serta tidak boleh diganggu gugat. KPU juga merupakan penyelenggara pemilu yang memiliki kewenangan secara luas dalam menentukan capres dan cawapres yang telah memenuhi syarat, pertimbangan lainnya iaitu adanya penekanan yang lebih besar pada bobot kepentingan umum daripada kepentingan pribadi.<sup>31</sup>

---

<sup>30</sup> Undang-undang Republik Indonesia No. 23 Tahun 2003, Bab III Tentang Peserta Pemilu Presiden dan Wakil Presiden, Perkara 6 (d).

<sup>31</sup> Kairudin (2005), *Menuju Partai Advokasi*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Bangsa, h. 246; TEMPOinteraktif Nasional, <http://www.tempointeraktif.com/hg/nasional/2004/08/18/brk,20040818-11.id.html>, 12 Mac 2011

Kesan daripada kronologi kes tersebut, membawa kepada ramai para penyokong beliau yang tidak berpuas hati, sehingga mereka berpandangan bahawa persyaratan tersebut mempunyai tujuan untuk menghalang Gus Dur dalam pencalonan presiden bagi pemilu 2004. Mendengar reaksi tersebut, pihak KPU tidak tinggal diam lalu bangkit bersuara untuk menafikan sekeras-kerasnya tuduhan tersebut, sepertimana yang telah penulis sebutkan dalam pembahasan sebelum ini<sup>32</sup>. Adapun tuduhan yang paling lantang tentu sahaja datang daripada pihak-pihak yang mempunyai hubungkait dengan parti PKB, dengan hujah bahawa jawatan ketua negara merupakan jawatan publik, maka syarat yang diperlukan hanya satu, iaitu sokongan politik atau sokongan rakyat melalui pemilu presiden secara langsung<sup>33</sup>. Oleh kerana itu, biarkanlah rakyat sendiri yang menilainya, sama ada beliau layak menjadi calon Presiden ataupun tidak. Syarat sihat moral menurut PKB adalah lebih penting daripada persyaratan fizikal, sebab permasalahan fizikal masih boleh diatasi melalui teknologi canggih dan melalui bantuan teknologi perubatan moden, berbeza dengan isu permasalahan moral yang jauh lebih sukar untuk diatasi dan jauh lebih signifikan berbanding persyaratan fizikal.<sup>34</sup>

Argumentasi lain bagi yang menyokong perlunya ijihad politik baru berkenaan syarat sihat fizikal bagi calon ketua negara ialah kerana bertentangan dengan hak-hak asasi manusia. Pandangan tersebut antaranya dikemukakan oleh Prof. Dr. Mohammad Mahfud MD seperti berikut: “Jika syarat tersebut tetap juga dipertahankan, bererti mereka telah melakukan diskriminasi terhadap hak orang

---

<sup>32</sup> Lihat perbincangan tesis ini pada bab 4, h. 118-120

<sup>33</sup> Pemilu atau pilihan raya Presiden yang dilaksanakan secara langsung buat pertama kalinya diadakan pada 5 April 2004 setelah kepimpinan Presiden Megawati berakhir pada 20 Oktober 2003, Pemilu Presiden secara langsung bermaksud memilih ketua negara yang dilaksanakan secara terus melalui undian suara rakyat.

<sup>34</sup> Agus Muhammad (2004), "Perlawanan Simbolik Gus Dur", dalam *Kompas*, Sabtu, 22 Mei 2004

istimewa (*disable person*). Padahal seseorang yang memiliki kecacatan juga sesungguhnya ia memiliki hak sivil dan hak politik yang sama rata seperti manusia normal lainnya, termasuk hak untuk memilih dan dipilih sebagai presiden”<sup>35</sup>. Untuk menyokong pendapatnya tersebut, maka kelompok PKB mengemukakan hujah atau pernyataan yang terdapat dalam *Declaration on the Rights of Disable Persons (1975)* Nombor empat yang berbunyi seperti berikut: *Disable persons have the same civil and political rights as other human being* (orang-orang kurang upaya juga mempunyai hak-hak sivil dan hak politik yang sama seperti manusia lainnya). Berdasarkan bunyi artikel tersebut, sangat naif jika hak seseorang untuk maju ke bursa pencalonan presiden dirampas dan dihalangi hanya kerana keadaan fizikalnya yang tidak sempurna.

Fakta sejarah yang berlaku di belahan beberapa negara di era moden ini telah membuktikan, bahawa seorang presiden yang tidak atau kurang sihat secara fizikal ternyata telah berjaya menjalankan tugas mereka masing-masing. Sebagaimana beberapa contoh yang telah penulis kemukakan dalam pembahasan bab pertama mukasurat sembilan dan sepuluh sebelum ini, ditambah lagi dengan isu yang terkini yang tengah ramai diperkatakan di Amerika Syarikat oleh lawan-lawan politik parti demokrat yang kini jawatan Presiden tengah disandang oleh Barrack Obama, beliau didapati mempunyai kesan parut panjang di kepalanya yang menimbulkan pelbagai teori. Sesetengahnya mengatakan ia disebabkan oleh garisan rambut atau gaya yang dilakukan pendandan rambut. Namun, penulis blog di Amerika Syarikat tersebut percaya bahawa parut di kepala Obama tersebut mempunyai penjelasan tersendiri.

---

<sup>35</sup> “MK Tolak Permohonan Gus Dur”, *Majalah BMK (Berita Mahkamah Konstitusi)*, No. 4, Edisi April 2004, h. 4.

*“This big scars also might explain why Obama can’t speak without a teleprompter and why he often gets lost, even while reading the teleprompter”<sup>36</sup>.*

Terdapat juga dakwaan yang menyatakan bahawa garisan dari atas kepala hingga ke belakang telinga kanan Obama tersebut membuktikan bahawa beliau sememangnya pernah menjalani pembedahan otak secara rahsia. Dakwaan tersebut telah dibuat oleh sejumlah pakar teori konspirasi bahawa bekas garisan panjang bekas luka dikepala tersebut merupakan bekas yang biasanya anda akan lihat pada seseorang yang telah melakukan pembedahan otak. Oleh kerana itu, mereka yakin Obama pernah melakukan pembedahan otak. Walau bagaimanapun teori tersebut memang sukar untuk dibuktikan, selagi tidak wujud bukti kukuh yang outentik untuk menunjukkan kebenaran teori konspirasi mereka tersebut, seperti rekod dokumen perubatan<sup>37</sup>. Ben Hart seorang pengkritik dan penulis blog politik, banyak mengemukakan pelbagai pertanyaan mengenai latar belakang pribadi Obama, disamping itu dia juga turut memuat turun imej kepala presiden AS itu di laman forum diskusi konservatif sebagai bukti, dan di antara soalan-soalan tersebut antara lain menyebutkan: “Adakah ia pembedahan otak? Adakah ia memberi kesan kepada cara pemikirannya? Adakah dia makhluk asing dari planet lain?, dan dia menambahkan, pembedahan otak mungkin akan dapat menjelaskannya mengapa Obama tidak dapat berbicara tanpa teleprompter.<sup>38</sup> Walau bagaimanapun, tanpa adanya rekod perubatan, atau kenyataan yang dikeluarkan oleh Gedung Putih, Masyarakat awam tidak pernah tahu jawapan-

---

<sup>36</sup> John K. Wilson (2011), *The Most Dangerous Man in America: Rush Limbaugh's Assault on Reason*, New York: Martin's Press, h. 72; <http://escapetyranny.com/category/obamas-birth-certificate/>, 16 April 2013

<sup>37</sup> Todor Hristov (2012), “Conspiracy Truth, or the Alien President”, dalam Barbara Stanosz *et al* (eds.), *Collection of Articles*. Bulgaria: Sofia University “St. Kliment Ohridski”, h. 27-28; Mail Online, <http://www.dailymail.co.uk/news/article-1373780/Mystery-scars-Obamas-head-begs-question--President-brain-surgery.html>, 16 April 2011

<sup>38</sup> myMetro, <http://www.hmetro.com.my/myMetro/articles/ObamapernahjalaniPembedahanotak / Article/index.html>, 01 April 2011

jawapan terhadap semua pertanyaan tersebut. Gedung Putih setakat ini masih belum dapat mengeluarkan pernyataan rasmi, mereka hanya menyatakan bahawa semua teori mereka tersebut adalah mengarut dan tidak munasabah.

Seandainya rumusan teori konspirasi tersebut benar, maka ini merupakan satu lagi bukti yang mendedahkan kepada kita bahawa kesihatan fizikal tidak mempunyai pengaruh terhadap kepimpinan seseorang untuk mentadbir sesebuah negara. Sebagai bukti Obama sentiasa menggunakan alat teleprompter untuk berbicara dalam setiap forum, ini menunjukkan bahawa sebahagian kelemahan atau kekurangan yang terdapat pada Barrack Obama boleh diatasi dengan menggunakan alat bantuan tersebut, apatah lagi beliau adalah seorang Presiden yang mempunyai kedudukan sebagai orang nombor satu di Amerika Syarikat, sudah tentu apa sahaja semua keperluan yang melibatkan untuk kepentingan negara akan beliau perolehi dengan mudah. Oleh yang demikian kecacatan yang terdapat padanya sama sekali tidak menghalang beliau untuk bergerak aktif melakukan tugas dan kewajipan sebagai ketua negara. Maka dalam konteks zaman moden sekarang ini sepatutnya kesihatan fizikal sudah tidak relevan lagi digunakan sebagai persyaratan bagi mana-mana ketua negara.

Contoh yang lainnya adalah mantan Presiden Republik Indonesia keempat, iaitu Abdurrahman Wahid yang tersingkir daripada busrsa pencalonan presiden, disebabkan kerana beliau mempunyai masalah kesihatan mata. Padahal sebelumnya beliau pernah menduduki kerusi jawatan tersebut, meskipun beliau tidak sempat menghabiskan masa jawatannya kerana didakwa terlibat dengan skandal penggelapan kewangan non *budgeter*, meskipun pada akhirnya beliau disahkan tidak terlibat oleh mahkamah. Jadi isunya bukan kerana beliau mempunyai kecacatan mata, tapi

sesungguhnya ia lebih banyak dipengaruhi oleh motif-motif politik berbanding ketidakmampuan beliau mentadbir negara. Sebagai bukti ke atas keupayaannya tersebut, didapati banyak prestasi dan penghargaan yang beliau perolehi, sama ada semasa beliau menjawat jawatan sebagai orang nombor satu di Indonesia, mahupun selepas beliau tidak lagi menjawat jawatan tersebut, Antara lain ialah beliau telah dinobatkan sebagai “Bapak Tionghoa” oleh beberapa tokoh Tionghoa Semarang di Kelenteng (Tokong) Tay Kak Sie, Gang Lombok, yang selama ini dikenali sebagai kawasan orang cina pada tanggal 10 Maret 2004<sup>39</sup>.

Pada tahun yang sama, beliau juga pernah mendapat penghargaan dari Simon Wiethemthal Center, sebuah yayasan yang bergerak di bidang penegakan Hak Asasi Manusia. Masih tahun yang sama beliau memperoleh penghargaan dari *Mebal Valor* yang beribu pejabat di Los Angeles di atas keberaniannya membela kaum minoriti di Indonesia dalam memperoleh hak-haknya yang sempat terpasung selama era orde baru. Tujuh bulan selepas hari kewafatannya beliau juga telah memperoleh penghargaan dari Universiti Temple dan namanya diabadikan sebagai nama kelompok studi *Abdurrahman Wahid Chair of Islamic Study* pada 21hb Julai 2010, dan pada tahun yang sama beliau juga telah memperoleh *Lifetime Achievement Award* dalam Liputan 6 Awards 2010 daripada salah satu agensi penyiaran terkemuka di Indonesia dan pada 11hb Agos 2006 beliau mendapatkan Tasrif Award-Aliansi Jurnalis Independen (AJI) sebagai Pejuang Kebebasan Pers 2006.<sup>40</sup>

---

<sup>39</sup> M. Hamid (2001), *Gus Gerr: Bapak Pluralisme & Guru Bangsa*, Yogyakarta: Pustaka Marwa, h. 70-71; Suara Merdeka, <http://www.suaramerdeka.com/harian/0403/11/nas3.htm>, 17 April 2011

<sup>40</sup> *ibid*

Selain daripada beberapa penghargaan tersebut di atas, masih banyak lagi prestasi dan penghargaan yang beliau perolehi seperti penghargaan dari dunia akademik, antaranya gelar Doktor Kehormat dalam bidang Kemanusiaan dari Universiti Netanya Israel pada tahun 2003, dan pada tahun yang sama beliau juga telah mendapat gelar Doktor Kehormat bidang Hukum dari Universiti Konkuk, dan Doktor Kehormat dari Universitas Sun Moon keduanya dari Seoul Korea Selatan. Sepanjang tahun 2000 semasa beliau masih lagi menduduki jawatan Presiden, beliau juga telah menerima gelaran tersebut tidak kurang dari tujuh gelaran yang didapat daripada belbagai Universiti yang berbeza<sup>41</sup>. Realiti tersebut menunjukkan dan membuktikan bahawa kesihatan fizikal tidak menjadi penghalang utama dalam pengisian jawatan Presiden, akan tetapi kemampuan dan dukungan politik adalah jauh lebih menentukan daripada kesihatan fizikal semata-mata.

Pandangan lain yang melihat perlunya dilakukan ijhtihad politik baru ialah kerana Islam tidak pernah membeza-bezakan umatnya dalam setiap aspek kehidupan, seperti kenyataan ‘Abd al-Latif<sup>42</sup> dalam sebuah karyanya tentang hak-hak asasi manusia menyatakan seperti berikut:

من حق المشاركة السياسية، في هذا العصر تعنى حق كل إنسان في ولاية الوظائف  
الإدارية صغرها وكبرها، ما دام بكافيته أهلا لتوليها.

”Salah satu hak asasi bersama dalam bentuk berpolitik pada era ini ialah hak setiap individu di dalam menyandang jawatan kepengurusan (negara) sama ada ianya kecil mahupun besar, selagi ia mampu dan berkelayakan untuk menguruskannya (maka ia berhak untuk menyandang jawatan tersebut)”

---

<sup>41</sup> Refly Harun (2004), "Biarkan Rakyat Yang Memilih Gus Dur", dalam *Kompas*, Sabtu 22 Mei 2004

<sup>42</sup> Abdu al-Latif bin Said al-Ghamidi (2000), *Huquq al-Insan fi al-Islam*, Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-Buhuth, h. 163

Sementara menurut pandangan Abu al-A'ala al-Mawdudi, terdapat dua konsep tentang hak. Pertama, hak manusia atau *huquq al-insān al-daruriyyah*, dan kedua ialah hak Allah atau *huququllah*. Kedua-dua jenis hak tersebut tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lainnya, perkara inilah yang sesungguhnya membezakan antara konsep hak asasi manusia (HAM) menurut Islam dan HAM menurut perspektif barat. Seterusnya beliau berkata:

According to Islam, governments are representative (khalifa) of the creator of the universe; this responsibility is not entrusted to any individual or family or to any particular class or group of people, but to the entire Muslim community.<sup>43</sup>

Berdasarkan pandangan beliau tersebut, menunjukkan bahawa hak untuk mengambil bahagian dalam urusan kenegaraan merupakan sesuatu yang peruntukannya telah terdapat di sisi Allah (s.w.t.) kepada semua makhluk ciptaan-Nya di muka bumi ini, tanpa melihat ataupun dikhaskan kepada individu tertentu atau golongan tertentu. Jadi siapapun boleh mencalonkan diri atau dicalonkan oleh mana-mana pihak untuk menjawat mana-mana jawatan dalam sesebuah pemerintahan termasuk untuk menjadi ketua negara atau presiden.

Menurut Sayyid Abd al-Rahman al-Mahdi bahawa persyaratan ketua negara yang dikemukakan oleh ulama salaf dan khalaf bersifat terlalu tradisional dalam penafsirannya, sehingga persyaratan tersebut menjadi berlawanan kepada asas hukum Islam bahawa Islam telah mengajarkan tentang persamaan hak dan kewajipan. Oleh kerana itu beliau berkata bahawa “ijtihad baru” diperlukan untuk menaiktaraf kriteria tersebut, agar ianya sesuai dengan keadaan semasa yang penuh dengan ledakan teknologi. Disamping itu beliau juga menyatakan bahawa Ijtihad baru adalah lebih penting ketimbang doktrin mazhab dan ajaran hukum yang lama, yang hanya

---

<sup>43</sup> Abu al-A'ala al-Mawdudi (1998) *Human Right In Islam*, London: The Islamic Foundation, h.33



mengambil sumber-sumber islam, filsafat dan seperangkat institusi yang sesuai dengan zaman modern<sup>44</sup>

### **5.3. Faktor-Faktor Penghambat Penyusunan Ijtihad Politik Tentang Syarat Kesehatan Fizikal**

Adapun faktor-faktor utama yang menjadi penghambat atau penghalang penyusunan bagi diberlakukannya syarat-syarat calon Ketua Negara atau Presiden di Indonesia, antara lain ialah berlakunya tarik-menarik atau tawar menawar yang menghala kepada kepentingan politik kepartian mereka atau dikenali dengan istilah *win-win solution*. Persidangan demi persidangan telah diadakan untuk membahas rang undang-undang pilihan raya presiden, dan setiap kali persidangan diadakan, pasti akan diwarnai oleh tarik-menarik antara kepentingan parti. Masing-masing anggota dewan akan mencoba berusaha memasukkan poin cadangannya dalam bentuk *political compromise* dan tawar-menawar berdasarkan kepada kepentingan politik kepartian mereka, khasnya parti-parti besar yang mempunyai anggota terbanyak di kerusi DPR.

Walaupun demikian, akhirnya rancangan atau rang undang-undang tentang pilihan raya Presiden dan Wakil Presiden, telah sampai pada penghujungnya iaitu suatu keputusan yang berbentuk sebuah undang-undang rasmi yang dikenali dengan istilah UU Pilpres No. 23 Tahun 2003 yang disahkan oleh DPR pada 7hb Julai 2003 dalam persidangan paripurna di Gedung Parlimen. Undang-undang tersebut terdiri daripada 15 bab dan 103 perkara, sebelumnya ia terdiri daripada 17 bab dan 71 perkara. Undang-undang tersebut, seterusnya akan dijadikan sebagai barometer atau rujukan

---

<sup>44</sup> Theo Tsechuy (1997), *Sudan dalam Ethnic conflict and Religion*, Switzerland: Word Council of Charches, h. 28-29.

bagi kaedah dan cara pelaksanaan proses pemilihan Presiden, walaupun demikian ternyata di dalam amalannya undang-undang tersebut membawa kepada implikasi berlakunya sistem politik baru yang menimbulkan polemik pro dan kontra, serta kecaman dan kritikan yang timbul daripada pelbagai kalangan masyarakat awam.

Perkara tersebut berlaku setelah panitia khusus yang dikenali dengan istilah pansus atau jawatan kuasa khas RUU Pilpres, menyetujui isi kandungan beberapa perkara yang amat mustahak atau *crucial articles* yang didapat melalui *political lobbying*. Hasil daripada persetujuan yang dicapai, seterusnya rang undang-undang tersebut dilaporkan oleh Ketua Pansus kepada DPR RI di dalam persidangan yang dikenali dengan sidang paripurna DPR yang diketuai oleh timbalan ketua DPR Soetardjo Soerjagoeritna<sup>45</sup>. Adapun *crucial articles* yang dijadikan tawar-menawar dikalangan ahli dewan antaranya ialah perkara yang berkenaan dengan syarat kelayakan minimum akademik bagi calon presiden, tentang status calon yang tidak pernah disabitkan hukuman penjara berdasarkan putusan mahkamah yang telah mempunyai kekuatan hukum tetap, kerana melakukan tindakan jenayah yang diancam dengan hukuman penjara 5 (lima) tahun atau lebih, dan tentang syarat mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai Presiden dan Wakil Presiden. Kesemua *crucial articles* tersebut terdapat pada perkara 6 huruf “r, t dan d” Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 23 Tahun 2003 Tentang Pemilihan Umum (pilihan raya) Presiden Dan Wakil Presiden.

---

<sup>45</sup> Mexsasai Indra (2011), “Gagasan Penyederhanaan Jumlah Partai Politik Dihubungkan Dengan Sistem Pemerintahan Republik Indonesia”, *Jurnal Ilmu Hukum UNRI*, Vol. 2, No. 1, Agustus 2011, h. 81; Saldi Isra (2009), “Pemilihan Presiden Langsung dan Problematik Koalisi dalam Sistem Presidensial”, *Jurnal Konstitusi* Pusako Universitas Andalas, Vol. II No.1, Juni 2009, h. 107-108; *Suara Merdeka*, Senin, 7 Juli 2003.

Fokus perbincangan dari ketiga-tiga syarat tersebut di atas, penulis hanya akan menumpukan perbincangan mengenai syarat yang terdapat pada huruf “d” iaitu mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajiban sebagai Presiden dan Wakil Presiden. Rumusan syarat tersebut menjadi tumpuan yang amat serius sepanjang dilaksanakannya sidang perbahasan, kerana syarat tersebut sebelum disahkan menjadi UU rasmi pada penghujung syarat tersebut tertulis “..... berdasarkan hasil pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh”. Selepas berlakunya tawar-menawar kepentingan politik akhirnya bunyi klausa ayat tersebut dihapuskan dari rang undang-undang. Sepertimana diketahui bahawa perkara tersebut mempunyai hubungkait dengan seorang calon daripada Partai Kebangkitan Bangsa (PKB) yang diberitakan akan turut serta mengambil bahagian dalam bursa pencalonan, meskipun pada akhirnya nasib tetap tidak menyebelahi Gus Dur kerana beliau dinyatakan tidak lulus dalam pemeriksaan kesihatan yang dilakukan oleh IDI yang telah ditunjuk oleh KPU.

Demikian juga menurut penilaian beberapa organisasi non pemerintahan mereka mendapati, bahawa RUU Pilpres tersebut banyak mengandungi kelemahan, kerana semasa pengesahannya masyarakat awam tidak ramai dilibatkan untuk memberikan pandangannya, sehingga natijahnya juga dinilai kurang memuaskan. Perbahasan RUU tersebut juga dianggap tidak transparan, kerana lebih banyak dilakukan dalam forum mesyuarat kerja peringkat jawatan kuasa, dan juga melalui lobi-lobi politik yang bersifat tertutup. Sehingga hasil rumusan RUU pilpres tersebut bukan atas dasar kesepakatan semua elemen bangsa, tetapi hanya berdasarkan kepada kepentingan parti-parti politik besar yang berada di DPR. Satu perkara lagi, di dalam RUU pilpres tidak terdapat lagi peruntukan debat calon presiden, padahal dalam sistem

pemilihan presiden secara langsung, peruntukan tersebut adalah merupakan sebuah keperluan yang mustahak.

Secara umum kesemua *crucial articles* tersebut di atas adalah merupakan faktor-faktor yang menghambat disahkannya rang undang-undang sebagai ijihad politik baru, kerana sepanjang berlakunya perbincangan RUU Pilpres tersebut, ianya berjalan cukup sukar, disebabkan beberapa perkara tersebut di atas, sehingga sering membawa kepada berlakunya tolak menolak pendapat yang berasaskan kepada kepentingan politik mereka masing-masing, khasnya mereka yang berasal daripada parti besar yang menguasai majoriti kerusi DPR, kerana setiap perwakilan, pasti mereka akan bertanggungjawab terhadap kepentingan partinya, agar kewujudannya sentiasa diterima melalui undang-undang yang berpihak kepada mereka.

Setelah rang undang-undang pilihan raya presiden disahkan secara rasminya menjadi undang-undang yang kini dikenali dengan UU Pilpres No. 23 Tahun 2003, berdasarkan UU tersebut maka Komisi Pemilihan Umum (KPU) atau Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai badan yang bertanggungjawab penuh melaksanakan sistem pilihan raya, telah mengeluarkan beberapa surat keputusan (SK) yang telah disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Umum KPU Prof. Nazaruddin Sjamsuddin, sebagai bentuk penterjemahan daripada UU tersebut di atas. Adapun SK tersebut antaranya ialah SK KPU No 26 Tahun 2004 tentang Tata Cara atau kaedah Pencalonan Pemilihan Umum Presiden dan Wakil Presiden Tahun 2004, seterusnya SK KPU No 31 Tahun 2004 tentang Petunjuk Teknis atau metode Penilaian Kemampuan Rohani dan Jasmani Pasangan Calon Presiden dan Wakil Presiden terbit pada 22hb April 2004, dan SK KPU No 37 Tahun 2004 tentang Tim Penilai Kemampuan Rohani dan Jasmani

Pasangan Calon Presiden dan Wakil Presiden dalam Pemilihan Umum Presiden dan Wakil Presiden 2004.

Walau demikian, masih tetap juga berlaku pro dan kontra ke atas surat keputusan tersebut, maksud pro adalah golongan atau sekelompok orang-orang yang beresetuju dan mendukung ke atas dikuatkuasakannya syarat kesihatan fizikal, dengan hujah logik yang disokong oleh pandangan-pandangan fuqaha sama ada salaf mahupun khalaf yang dituangkan ke dalam kitab-kitab karya mereka seperti imam al-Mawardi, ibn Khaldun dan ramai lagi sepertimana yang telah penulis bincangkan dalam bab sebelum ini. Pandangan tersebut diantaranya dikemukakan oleh Ketua Fraksi PKS DPR Mahfudz Shiddiq yang menyatakan bahawa syarat sihat jasmani dan deriawi bagi capres dan cawapres sangat penting dan sangat normatif tidak perlu dipersoalkan. Kerana di dalam literatur Islam disebutkan bahawa syarat pemimpin harus sihat jasmani dan deriawi, kami sebagai parti politik yang berteraskan Islam, maka kami akan memperjuangkan syarat tersebut untuk tetap dikekalkan<sup>46</sup>.

Adapun maksud kontra adalah mereka yang termasuk ke dalam golongan atau kelompok orang yang tidak bersetuju dan menentang sekeras-kerasnya bagi dikuatkuasakannya persyaratan tersebut, atas dasar ijtihad politik mereka dengan mempertimbangkan asas kaedah maslahah. Golongan ini jika merujuk kepada sejarah awal berlakunya kontroversi tentang RUU persyaratan calon presiden sehinggalah UU tersebut dikuatkuasakan, maka kita akan mendapati bahawa kelompok kontra adalah mereka golongan yang menjadi penyokong tegar mantan Presiden Gus Dur. Perkara tersebut berlaku setelah Gus Dur dan pasangannya Marwah Daud dinyatakan gagal

---

<sup>46</sup> Anton Minardi (2009), "Saatnya Punya Presiden Harapan Rakyat", *Jurnal Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, Universitas Pasundan Bandung, Vol. 9, No.1, Januari - Juni 2009, h. 7 – 8.

dalam memenuhi kriteria persyaratan kesehatan sepertimana yang telah ditetapkan oleh KPU yang telah bekerjasama dengan IDI. Berdasarkan hasil keputusan tersebut Gus Dur dan para penyokongnya, sama ada dari kalangan parti PKB mahupun daripada luar parti yang tidak menerima keputusan tersebut, mereka manyakini bahawa keputusan tersebut adalah keputusan yang tidak adil dan penuh dengan kepentingan politik sepihak. Rekayasa politik dapat dilakukan mereka melalui berbagai cara, tetapi tujuannya satu, iaitu untuk menghalangi langkah dirinya maju pada Pemilihan Umum 2004<sup>47</sup>. Untuk menunjukkan kesungguhannya, bantahan tersebut kemudian dibuktikan dengan tindakan beliau memfailkan gugatan saman ke Pengadilan Negeri Jakarta sebesar Rp1 bilion<sup>48</sup>, dan mengugut pihak KPU bahawa beliau akan berada di luar sistem.<sup>49</sup>

Terlepas daripada semua polemik di atas, apakah beberapa perkara tersebut diregulasi khas untuk menjatuhkan lawan politik, atau memang direka untuk mencari sosok calon pemimpin yang ideal. Perkara tersebut mendapat perhatian dan pemberitaan yang meluas sama ada tempatan mahupun antarabangsa, sehingga Gus Dur tidak lagi keseorangan dalam usahanya mencari keadilan. Salah satu sokongan datang daripada eksekutif timbalan pengarah Pusat Reformasi Pemilu atau *Centre for Electoral Reform (CETRO)*<sup>50</sup> iaitu Hadar Navis Gumay yang mempersoalkan tentang realistik terbitnya SK KPU No. 36/2004 yang dikeluarkan oleh pihak KPU. Kerana dengan terbitnya surat tersebut bererti ia telah menilai Gus Dur sebagai orang cacat

---

<sup>47</sup> Burhamudin (2013), "Reduksi Kekuasaan Presiden Pasca Amandemen", *Majalah Solusi*, Fakultas Hukum Universitas Palembang, Vol. 1, No, 1, Januari 2013, h, 45

<sup>48</sup> Denny J. A (2006), *Jejak-jejak pemilu 2004*, Yogyakarta: Penerbit LKiS, h. 72

<sup>49</sup> Di luar sistem yang Gus Dur maksudkan adalah beliau akan melakukan GOLPUT (Golongan Putih), iaitu satu istilah popular di Indonesia bagi mereka yang tidak mahu membuang undi pada PRU.

<sup>50</sup> Centre for Electoral Reform (CETRO) adalah sebuah badan yang memfokuskan kepada reformasi masalah pemilu. Didirikan pada tahun 1999, bertujuan untuk melakukan kajian, advokasi, simulasi, survey dan pemahaman melalui pendidikan masyarakat tentang pemilu.

atau kurang upaya yang tidak layak untuk ikut serta sebagai calon presiden, dengan penilaian didapati bahawa saraf motorik Gus Dur tidak berfungsi normal.

Penilaian tersebut KPU tersebut dinilai sungguh sangat sembrono dan tidak berhati-hati, disebabkan kerana Gus Dur tidak dapat melihat, mereka langsung mengklasifikasikan Gus Dur sebagai orang yang tidak mampu menjalankan tugas kenegaraan, tetapi jika penilaiannya berdasarkan dapatan yang menunjukkan bahawa Gus Dur dinilai tidak layak disebabkan kerana menghidapi penyakit gangguan saraf yang boleh menyebabkan beliau menjadi seorang yang pelupa atau stroke, maka penilai tersebut adalah sesuatu yang boleh diterima dan patut kita sokong. Sementara pada aspek lain KPU juga dinilai telah menafikan kewujudan UU lain, seperti UU Kesihatan dan UU orang kurang upaya, yang mengatur poin-poin berkenaan tentang persyaratan kemampuan jasmani dan rohani bagi calon presiden. Oleh yang demikian, maka KPU dalam perkara ini jelas telah melakukan tindakan diskriminasi, kerana telah menafikan hak-hak warga negara untuk menjadi calon presiden, sedangkan perkara tersebut jelas dinyatakan bahawa semua warga negara mempunyai hak yang sama dalam setiap aspek kehidupan termasuk hak politik.

Pandangan tersebut sama seperti apa yang dikemukakan oleh Glyn Ford, ketua Misi Pemerhati Pilihanraya Kesatuan Eropa<sup>51</sup> yang menilai bahawa penguatkuasaan syarat kesihatan bagi calon presiden adalah merupakan tindakan diskriminasi. Walaupun begitu tidak ada salahnya jika status kesihatan bagi calon presiden perlu diperiksa secara independen, kemudian hasilnya diumumkan kepada masyarakat awam, kerana mereka mempunyai hak pilih, maka mereka juga perlu mengetahui

---

<sup>51</sup> Misi Pemerhati Pilihanraya Kesatuan Eropa atau European Union for Election Observation Missions (EU-EOM): [http://eeas.europa.eu/eucom/index\\_en.htm](http://eeas.europa.eu/eucom/index_en.htm), 16 Mac 2014.

kondisi kesehatan mereka sebelum mereka menentukan pilihannya. Menurutny lagi, bahwa peraturan yang berhubungkait dengan keadaan kesehatan calon sepertimana yang termaktub dalam SK. KPU. No. 31 Tahun 2004, ianya tidak lazim diamalkan di dunia antarabangsa<sup>52</sup>.

Oleh karena itu menurut beliau, bahawa penyingkiran terhadap Gus Dur adalah bersifat diskriminasi dan melanggar prinsip demokrasi. Pelanggaran tersebut berlaku terutamanya dari aspek kebebasan untuk memilih dan dipilih serta pelanggaran hak asasi manusia, terhadap orang yang memiliki kekurangan. Oleh yang demikian sebaiknya syarat tersebut dikembalikan sahaja kepada undang-undang yang sedia ada, KPU sebagai badan pelaksana tidak perlu mengeluarkan surat keputusan tersendiri, tapi cukup melaksanakan sahaja dengan berpandukan kepada peraturan yang sudah terdapat di dalam undang-undang, demi untuk pembelajaran generasi yang akan<sup>53</sup>.

### **5.5. Rumusan dan Analisis**

Senario perjalanan politik di Indonesia pasca berakhirnya rezim Soeharto tahun 1998 pada permulaanya tidak stabil, demonstrasi tuntutan reformasi berlaku di mana-mana. Perkara tersebut berlaku bukan sahaja di kalangan para pelajar, tetapi ia juga berlaku di kalangan orang awam yang ingin menyuarakan tuntutan mereka terhadap segala ketidakadilan pemerintahan, yang selama ini tidak dapat disuarakan mereka. Jiwa, harta dan benda yang tidak ternilai harganya telah banyak dikorbankan demi cita-cita bersama mencapai sebuah negara yang demokrasi. Harga sebuah demokrasi ternyata sangat mahal, kerana tanpa pengorbanan mereka para pahlawan reformasi bangsa khususnya,

---

<sup>52</sup> *ibid*

<sup>53</sup> GusdurNet.

[http://www.gusdur.net/Berita/Detail/?id=4/hl=id/Evaluasi\\_Pemantau\\_Pemilu\\_Uni\\_Eropa\\_Syarat\\_Kesehatan\\_Capres\\_Diskriminatif](http://www.gusdur.net/Berita/Detail/?id=4/hl=id/Evaluasi_Pemantau_Pemilu_Uni_Eropa_Syarat_Kesehatan_Capres_Diskriminatif) 10 Januari 2014



maka bentuk sebuah negara demokrasi Indonesia seperti sekarang ini sangat mustahil untuk dinikmati.

Pilihan raya umum atau PEMILU yang pertama kali diadakan di era reformasi berlaku pada tahun 1999. Sebelum pilihan raya diadakan, didapati banyak bermunculan parti-parti politik baru yang ditubuhkan oleh setiap organisasi dan pertubuhan yang berjumlah lebih daripada 100 buah parti yang didaftarkan di Departemen Kehakiman, dan jumlah tersebut terus makin bertambah sehingga mencapai lebih 200 buah parti pada tahun 2002, tetapi hanya 48 buah parti sahaja yang berkecukupan mengikuti pilihan raya pada tahun 1999<sup>54</sup>. Salah satu peserta parti yang masih utuh berdiri sehingga kini, yang terlahir dari sebuah pertubuhan Islam terbesar di Indonesia ialah Parti Kebangkitan Bangsa (PKB). Parti tersebut telah ditubuhkan di Jakarta pada 23hb Julai 1998 M bersamaan dengan 29hb Rabi'ul Awal 1419 H, parti tersebut dideklarasikan oleh sekumpulan para tokoh kiyai atau Tok Guru dari kalangan Nahdhatul Ulama (NU)<sup>55</sup>.

Pertubuhan NU pada awalnya dikenali sebagai pertubuhan yang konservatif, sehingga banyak yang menganggapnya kolot, jumud dan kelas rendah<sup>56</sup>. Mutakhir ini anggapan tersebut berangsur-angsur mula berubah, kerana pertubuhan NU kini lebih terbuka dan tidak lagi terlalu taksuf pada satu-satu mazhab tertentu sahaja seperti kepada mazhab Imam al-Shafi'i<sup>57</sup>. Perubahan tersebut dipercayai kerana pergelutannya dengan khazanah keilmuan klasik, sehingga membuat mereka intensif

---

<sup>54</sup> Budi Winarno (2013), *Sistem Politik Indonesia Era Reformasi*. Yogyakarta: MedPress, h. 100

<sup>55</sup> Partai Kebangkitan Bangsa, <http://www.dpp.pkb.or.id/sejarah-pendirian>, 26 Mei 2014

<sup>56</sup> Ahmad Damanhuri Tuanku Mudo (2007), "Prospektif Ahlul-sunnah wal Jama'ah Dalam NU", *Majalah AULA NU –Kolom Opini- Tab'ah 11*, Sanah xxxv, November 2013, h. 13

<sup>57</sup> Sam'ani Sya'roni (2010), "Corak Pemikiran Hukum Islam Nahdah Al-'Ulama' (Nu)", *Jurnal Hukum Islam*, vol. 13, no. 1., Pekalongan: Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN), h. 4

melakukan kajian Islam sebagai upaya untuk mencari kesesuaian pemikiran<sup>58</sup>. Melalui pembaharuan tradisi yang dijadikan platform sebagai langkah untuk mencari perspektif pemikiran baharu yang lebih sesuai dengan tuntutan keadaan semasa<sup>59</sup>.

Salah satu pembaharuan pemikiran yang dianggap kontroversi oleh sebahagian kalangan mereka sendiri iaitu mengenai pandangan mereka terhadap syarat pemimpin yang dikemukakan oleh Imam al-Mawardi dalam bukunya al-Ahkam al-Sultaniyyah. Imam al-Mawardi dalam kitab tersebut jelas menyatakan dalam senarai syarat ketiga dan keempat bahawa pemimpin mesti sihat panca indera seperti pendengaran, penglihatan dan lidah (tidak cadel, pelad atau bisu ketika bercakap), sehingga seorang pemimpin dapat mengetahui permasalahan-permasalahan secara terus, dan juga sihat anggota badan daripada sebarang kecacatan, sehingga membolehkan dia untuk bergerak lebih aktif, cepat dan tidak lemah<sup>60</sup>.

Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin al-Habib al-Mawardi meninggal pada tahun 450 H, beliau adalah seorang tokoh ulama besar yang tersohor dan terbilang dari kalangan mazhab Shafi’i, beliau hidup dan menjadi Hakim Agung dimasa dinasti Abbasiyyah. Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah adalah salah karya terbesar beliau, dan kitab tersebut banyak dijadikan rujukan oleh para ulama salaf mahupun khalaf, termasuk para ulama dari kalangan nahdatul ulama yang sememangnya dikenali fanatik dan berpegang kuat dalam bermazhab Imam al-Shafi’i. Namun ketika mereka dihadapkan dengan situasi berkenaan dengan syarat kesihatan, mereka mencoba untuk mencari alternatif lain, dan alternatif tersebut penulis kategorikan sebagai ijtihad

---

<sup>58</sup> Laode Ida (2004), *NU Muda:Kaum Progresif dan Sekularisme Baru*, Jakarta: Erlangga, h. 14

<sup>59</sup> *ibid*; Mexsasai Indra (2011), *op.cit* , h. 80

<sup>60</sup> al-Mawardi (1989), *op.cit*. h.5

politik, kerana mereka mencoba keluar dari amalan sifat fanatik yang selama ini mereka pertahankan untuk mencari masalah umat.

Perlu difahami bahawa kandungan kitab karangan al-Mawardi adalah hasil sebuah pemikiran yang dirumuskan berdasarkan kepada keperluan dan keadaan semasa, sehingga segala cetusan pemikiran yang seterusnya beliau susun ke dalam sebuah karya tersebut, bukan semuanya berasal daripada ayat al-Quran mahupun al-Hadith, tetapi ketika itu beliau lebih melihat kepada keperluan Syaria'ah sebagai manhaj. Syaria'ah yang berkaitan dengan perkara *mu'amalah* dan *ahwal al-syakhsyyah* akan sentiasa berubah mengikut kepada keperluan semasa, sepertimana Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ وَعَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلْقِحُونَ فَقَالَ  
لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلَحَ قَالَ فَحَرَجَ شَيْصًا فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ مَا لِنَحْلِكُمْ؟ قَالُوا قُلْتِ كَذَا وَكَذَا  
قَالَ أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ<sup>61</sup>

Dari 'Aisyah dan dari Thsabit dari Anas bahwa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam pernah melewati suatu kaum yang sedang mengawinkan pohon kurma lalu beliau bersabda: "Sekiranya mereka tidak melakukannya, kurma itu akan (tetap) baik". Tapi setelah itu, ternyata kurma tersebut tumbuh dalam keadaan rusak. Hingga suatu saat Nabi shallallahu 'alaihi wasallam melewati mereka lagi dan melihat hal itu beliau bertanya: 'Ada apa dengan pohon kurma kalian? Mereka menjawab; Bukankah anda telah mengatakan hal ini dan hal itu? Beliau lalu bersabda: 'Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian.

Hadith tersebut mengandungi maksud yang bersifat umum merangkumi semua aspek permasalahan yang bersifat duniawi, setiap orang boleh melakukan ijtihad pada perkara-perkara duniawi yang dianggap perlu dan memberikan manfaat<sup>62</sup>.

<sup>61</sup> Imam Abi al-Husain Muslim bin al-Hujjaj al-Qushairi al-Nasaiburi (t.t.), *Sahih Muslim*, J.4, Kitab al-Fada'il, no 2363, Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 1837

<sup>62</sup> Islamweb.net:  
<http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=FatwaId&Id=61047> 13  
Feb 2014.

Realiti kehidupan sentiasa berubah dan berkembang seiring dengan berputarnya roda kehidupan, demikian juga dengan syariah, sementara ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith tidak pernah akan berubah. Oleh yang demikian, setiap karya para ulama terdahulu yang dibukukan di dalam kitab-kitab karangan mereka tidak cukup untuk memberikan jawapan terhadap setiap permasalahan baharu yang timbul. Kerana setiap zaman mempunyai permasalahan khas tersendiri, konteks realiti persekitaran yang berbeza dan berbagai-bagai lagi keperluan yang sentiasa akan timbul, sehingga hukum atau fatwa yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama terdahulu tidak lagi relevan. Perkara tersebut telah memotivasi ulama-ulama khalaf untuk berusaha mencoba merevisi fatwa disebabkan berubahnya masa, tempat, adat resam dan persekitaran semasa. Perkara tersebut kita dapati dengan wujudnya pandangan-pandangan dan fatwa-fatwa terkini yang telah dimuat ke dalam karya buku-buku yang ditulis oleh para peneliti dari berbagai mazhab yang boleh dijadikan rujukan.

Walaupun demikian, keperluan kita terhadap ijtihad merupakan satu keperluan yang bersifat berterusan, kerana realiti kehidupan sentiasa berubah, begitupun keadaan masyarakat kita yang senantiasa mengalami perubahan dan perkembangan. Selama perubahan dan perkembangan tersebut masih selari dan tidak bercanggah dengan syariat Islam, dan syariat Islam masih diyakini sebagai alat penyelesaian bagi setiap persoalan ummat manusia. Maka ijtihad masih sangat diperlukan untuk memberikan jawapan kepada setiap permasalahan yang timbul, lebih-lebih lagi dizaman globalisasi sekarang ini, apatah lagi dengan berlakunya transformasi industry dan perkembangan teknologi maklumat pada masa kini, telah banyak mempengaruhi perubahan yang cukup besar dalam mewarnai kehidupan masyarakat.

Oleh kerana itu, skop ijtihad tidak terbatas hanya pada ruang lingkup bagi permasalahan-permasalahan yang kontemporer sahaja, tetapi ia mempunyai kepentingan lain yang berhubungkait dengan khazanah perundangan Islam, iaitu dengan membuat tinjauan ulang terhadap permasalahan-permasalahan yang terdapat di dalamnya berdasarkan keadaan yang berlaku pada zaman sekarang, serta mengikut kepada keperluan-keperluan semasa yang dihadapi oleh manusia untuk diberikan pilihan pendapat yang paling kuat dan yang paling sesuai, dengan merealisasikan tujuan-tujuan syariat dan kemaslahatan manusia, sepertimana yang dinyatakan oleh para fuqaha: “berlakunya perubahan fatwa itu berdasarkan kepada berubahnya zaman, tempat dan keadaan”<sup>63</sup>.

Mampu secara rohani dan jasmani untuk melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai Presiden dan Timbalan Presiden, adalah merupakan salah satu syarat yang terdapat dalam undang-undang pilihan raya nombor 23 Tahun 2003. Perkara tersebut di dalam penjelasan undang-undang dinyatakan sudah cukup jelas, ini menunjukkan bahawa perkara tersebut tidak memerlukan kepada sebarang tafsiran. Berdasarkan keterangan tersebut akhirnya timbul polemik, sehingga melahirkan banyak pandangan yang berbeza. Satu pandangan menyatakan bahawa “mampu secara rohani dan jasmani” berhubungkait dengan perkara kesihatan, pandangan yang lainnya menyatakan bahawa sama sekali ianya tidak ada hubungkait dengan masalah kesihatan, kerana Presiden dan Timbalan Presiden adalah merupakan sebuah jawatan politik, maka syarat utama bagi jawatan tersebut adalah sokongan politik padu daripada para penyokong yang memilihnya melalui pilihan raya. Oleh kerana itu,

---

<sup>63</sup> Abd al-Karim Zaydan (2002), *Usul al-Da'wah*,. Bayrut: Muassasah al-Risalah, c.9, h. 169

penilaian terhadap klausa “mampu secara rohani dan jasmani” bukan dinilai dari aspek fizikal, tetapi dari aspek kemampuannya dalam kepemimpinan.

Beberapa kes *inconsistency* atau ketidakselarasan yang berlaku di antara UUD 1945 dengan UU Pemilu No. 23 Tahun 2003, tidak luput dari cara bekerja ahli dewan atau DPR sebagai badan penggubal undang-undang. Berdasarkan huraikan di atas mendapati bahawa DPR sering terjebak oleh konflik kepentingan pribadi dan golongan, sehingga cenderung melakukan manuver politik yang tidak sihat dan korup. Ironinya mereka juga tidak boleh bekerja sama dalam mencari solusi penyelesaian masalah masyarakat, bangsa, dan negara. Apatah lagi jika hak kontrol DPR telah termotivasi oleh ketidakpuasan politik terhadap presiden yang mengetuai badan ksekutif, sehingga sifat kepentingan pribadi dan parti terkesan lebih terserlah pada diri setiap wakil rakyat, berbanding kepentingan rakyat yang mereka wakili<sup>64</sup>. Buruknya kualiti undang-undang, menunjukkan bahawa kepekaan politik DPR untuk menuangkan apa yang diperlukan masyarakat ke dalam undang-undang masih sangat minim sekali<sup>65</sup>.

Sesungguhnya isi klausal SK KPU No 26 Tahun 2004, jika dibaca dengan teliti ia tidak jauh berbeza dengan syarat mampu secara rohani dan jasmani bagi calon presiden yang terdapat dalam UU Pilpres. Menurut hemat penulis, klausa yang termaktub dalam perkara 4 huruf d SK KPU No 26 Tahun 2004 tersebut di atas serupa dengan klausa yang terdapat dalam perkara 6 (1) UUD 1945 dan perkara 6 huruf d UU No 23 Tahun 2003. Oleh kerana itu, kemunculan SK KPU No 26 Tahun 2004

---

<sup>64</sup> Thomas Korten (2004), “Bingkisan Buat DPR Baru”, *Media Indonesia*, 1 Oktober 2004

<sup>65</sup> Bavitri Susanti *et.al.*, (2003). *Menciderai Mandat Rakyat: Catatan PSHK Tentang Kinerja Legislasi DPR Tahun 2003*,. Jakarta: Pusat Studi Hukum & Kebijakan Indonesia (PSHK), h. 4

sesungguhnya hanya merupakan bentuk pelaksanaan daripada klausa syarat mampu secara rohani dan jasmani yang terdapat dalam UUD 1945 dan UU No 23 Tahun 2003. Perbezaannya terletak pada perkara 6 (3) huruf c SK KPU No 26 Tahun 2004, dengan terdapatnya *elaboration* atau penjelasan KPU yang berbunyi seperti berikut: “persyaratan calon presiden dan calon timbalan presiden mesti dilengkapi dengan surat keterangan hasil pemeriksaan kemampuan secara rohani dan jasmani daripada Tim Pemeriksa yang telah ditetapkan oleh KPU”. Dengan ketentuan tersebut, maka calon presiden dan calon wakil presiden yang tidak dapat memenuhi syarat mampu secara rohani dan jasmani berdasarkan hasil pemeriksaan tim kesihatan, maka ia akan dinilai sebagai calon yang tidak dapat melengkapinya persyaratan yang telah ditetapkan sebagai calon presiden dan calon timbalan presiden.

Punca rasa keberatan pihak Gus Dur dan pendukungnya bagi hemat penulis, sesungguhnya bukan terletak pada syarat mampu secara rohani dan jasmani, akan tetapi lebih kepada hasil *elaboration* yang terdapat pada perkara 6 (3) huruf c tersebut di atas. Sebab secara logik, jika sekiranya memang yang menjadi punca ketidakpuasan Gus Dur dan penyokongnya terletak pada bunyi klausul syarat mampu secara rohani dan jasmani, maka bantahan tersebut tentu sudah mereka tunjukan ketika awal proses perubahan UUD 1945 dan penetapan UU No 23 Tahun 2003 dalam persidangan parlimen satu masa dahulu. Apatah lagi, syarat mampu secara rohani dan jasmani yang terdapat dalam Pasal 6 Ayat (1) UUD 1945 sangat berhubungkait dengan pengalaman pribadi Gus Dur ketika beliau menjawat sebagai Presiden.

Meskipun penjelasan syarat mampu secara rohani dan jasmani bertujuan untuk melaksanakan perintah UUD 1945 dan UU No. 23 Tahun 2003, tetapi *inconsistency*

atau ketidakselarasan KPU terhadap persyaratan lain juga mesti dipersoalkan. Kenapa KPU tidak melakukan penjelasan juga terhadap beberapa persyaratan yang lainnya yang terdapat dalam perkara 6 UU Pilpres No. 23 Tahun 2003, kerana persyaratan yang lainnya juga tidak kalah pentingnya dengan syarat mampu secara rohani dan jasmani. Seperti syarat tidak pernah berkhianat terhadap negara dan tidak pernah melakukan perbuatan tercela. Klausal tersebut terdapat pada perkara 6 (1) UUD 1945 dan perkara 6 huruf c UU Pilpres No. 23 Tahun 2003, iaitu calon presiden dan wakil presiden harus memenuhi syarat tidak pernah mengkhianati negara. Penjelasan Perkara 6 huruf c tersebut disebutkan, bahawa yang dimaksud dengan tidak pernah mengkhianati negara adalah tidak pernah terbabit dengan gerakan pelampau atau *separatist*, tidak pernah melakukan gerakan secara inkonstitusional atau dengan cara kekerasan untuk mengubah dasar negara serta tidak pernah melakukan pelanggaran terhadap UUD 1945.

Klausal tidak pernah melakukan pelanggaran terhadap UUD 1945 yang diletakkan dalam syarat tersebut di atas, dari aspek hukum tata negara sepatutnya pihak KPU memberikan penjelasan dan pentafsiran yang lebih terperinci, kerana di antara calon-calon tersenarai kemungkinan ada yang pernah melakukan pelanggaran terhadap UUD 1945. Kemungkinan tersebut boleh berlaku kepada calon yang pernah dan atau tengah menduduki jawatan penting di institusi pemerintahan. Berhubungkait dengan perkara tersebut di atas, menurut hemat penulis KPU perlu mempunyai standar obyektif untuk menentukan dan menilai calon presiden dan calon wakil presiden yang tidak pernah mengkhianati negara dan tidak pernah melanggar UUD 1945. Perkara tersebut perlu dilakukan, kerana rasionalnya jika calon yang pernah mengkhianati



negara dan pernah juga melakukan pelanggaran-pelanggaran terhadap perlembagaan, jika terpilih nanti dipercayai ia akan melakukan perbuatan yang serupa.

Penjelasan yang serupa juga perlu dilakukan terhadap syarat tidak pernah melakukan perbuatan tercela. Menurut penjelasan perkara 6 huruf j, yang dimaksud dengan tidak pernah melakukan perbuatan tercela ialah tidak pernah melakukan perbuatan yang bertentangan dengan norma agama, norma kesusilaan, dan norma adat, antara lain seperti judi, mabuk, pencandu narkoba, dan zina. Penjelasan tersebut jika diteliti didapati ianya tidak kalah sukarnya jika dibandingkan dengan syarat tidak pernah mengkhianati negara, kerana untuk menentukan seseorang calon yang tidak pernah terlibat melakukan perbuatan tercela tidak mungkin dapat diwujudkan, sebab KPU telah lupa untuk memberikan penjelasan lebih terperinci. Sehingga sepatutnya ketika SK KPU No. 26 Tahun 2004 perkara 7 (1) diterbitkan, pihak KPU mencantumkan klausa bahawa calon presiden dan calon timbalannya berkewajipan untuk melakukan tes dadah, kerana perbuatan tercela dalam tafsirannya sepertimana tersebut di atas, sangat sukar untuk dibuktikan tanpa adanya penjelasan terperinci dari pihak KPU.

Berdasarkan kenyataan tersebut di atas, tidak hairan jika Gus Dur merasa dirinya menjadi korban permainan politik tingkat tinggi, kerana KPU dilihat tidak adil dan tidak konsisten dalam memberikan tafsiran, sehingga dinilai telah melakukan diskriminasi terhadap hak asasi manusia. Oleh yang demikian bagi hemat penulis, pihak KPU tidak berhak dan tidak wajar membuat pentafsiran syarat mampu secara rohani dan jasmani tanpa persetujuan ahli dewan, kerana perkara tersebut telah termaktub dengan jelas di dalam undang-undang pilihan raya. Maka perjuangan Gus

Dur bagi membantah SK KPU sesungguhnya bukan semata-mata untuk dirinya sahaja, tetapi untuk menegakkan sistem demokrasi yang sesungguhnya iaitu anti diskriminasi. Penulis berharap semoga syarat-syarat calon ketua negara atau presiden yang telah ditetapkan dalam undang-undang tersebut betul-betul murni bertujuan untuk mencari seorang pemimpin yang berkualiti untuk kepentingan bangsa dan negara, bukan bertujuan untuk menyekat seseorang mara dalam berpolitik, sepertimana penafian mereka khasnya orang-orang daripada kalangan KPU dan amnya mereka orang-orang yang menyokong atas dikuatkuasakannya syarat sihat fizikal yang telah berjaya menyekat kemaraan Gus Dur dari senarai calon ketua negara republik Indonesia.